

# kukuhkan kedudukan Raja-raja

KANGAR, Selasa — Pindaan perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini bukan bertujuan membelakangkan kedudukan raja-raja, demikian dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, hari ini.

Katanya, pindaan itu juga tidak sedikit pun menjejaskan hak keistimewaan raja seperti yang termaktub dalam perlembagaan negara.

Datuk Abdullah berkata demikian ketika berucap kepada ahli-ahli exco Gerakan di sini pagi ini.

Beliau berkata, pindaan itu sebenarnya mengukuhkan kedudukan mereka sebagai raja-raja yang berperlembagaan.

"Negara kita akan tetap meneruskan sistem raja berperlembagaan dalam pemerintahan demokrasi berparlimen," tegasnya.

## Oleh NAZAR ABDUL

Menurutnya, sistem yang diamalkan sekarang telah menjamin kestabilan politik dan ekonomi negara, dan rakyat berbilang kaum hidup dalam aman dan makmur.

Beliau berkata, sistem yang diamalkan itu membuktikan kejayaan membawa rakyat dan negara ke tahap pembangunan

yang boleh dibanggakan.

"Datuk Abdullah berkata, walaupun negara menghadapi ujian dan dugaan seperti kemelesetan, negara dapat juga mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Beliau berkata, sistem pentadbiran negara ini amat sesuai dengan keadaan masyarakat berbilang kaum yang mengamalkan pelbagai kebudayaan, adat resam dan agama.

## Tak mahu

"Kita tidak mahu ada orang cuba menggunakan keadaan ini untuk menimbulkan keadaan kucar-kacir," tegasnya.

Datuk Abdullah juga mengingatkan pegawai-pegawai kerajaan supaya memahami setiap dasar kerajaan, termasuk dalam perkara pindaan perlembagaan.

"Ini penting bagi memastikan rakyat terus mempunyai kepercayaan terhadap pegawai-pegawai kerajaan dalam melaksanakan tugas-tugas mereka," tambahnya.

Beliau tidak mahu ada pegawai-pegawai kerajaan cuba mengeruhkan keadaan dengan menimbulkan keraguan atau kesangsian mengenai sesuatu dasar atau langkah kerajaan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia